



SURAT SETUJU TERIMA

Rujukan Kami : MPC(PCT)400-5/1/5(1)

Tarikh : 09 Februari 2021

Dr Izhar Che Mee
16, Jalan Kemboja 5
Bukit Beruntung
48300 Rawang
Selangor Darul Ehsan

**SEBUTHARGA UNTUK: PEMBEKAL PERKHIDMATAN BAGI
PEMBANGUNAN MODUL LATIHAN BEHAVIOURAL INSIGHTS (ASAS)
DARI FEBRUARI 2021 – APRIL 2021**

NO. SEBUTHARGA B: MPC 06/2021

Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju menerima tawaran sebutharga syarikat tuan dengan harga sebanyak **Ringgit Malaysia Empat puluh lapan ribu, tujuh ratus lima puluh ringgit sahaja (RM 48,750.00) (Tanpa termasuk 6% SST)**

2. Walau bagaimanapun, pelantikan ini adalah tertakluk kepada persetujuan harga yang telah dinyatakan dalam dokumen sebutharga oleh pihak tuan berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan seperti jadual di bawah dan Lampiran A1.

Bil	Spesifikasi	Jumlah Hari	Jumlah per unit (RM)	Jumlah keseluruhan (RM)
Fasa 1 (30%)	Development of BI Training Module	8	1,950.00	15,600.00
Fasa 2 (50%)	Piloting and finalizing training module	15	1,950.00	29,250.00
Fasa 3 (30%)	Development of BI Training Module	2	1,950.00	3,900.00
Jumlah Keseluruhan		25		RM 48,750.00

3. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MPC, syarikat tuan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC. Sekiranya syarikat tuan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan.

4. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa MPC berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- (a) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 3 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (b) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;
- (c) syarikat tuan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan MPC bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (d) syarikat tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (e) syarikat tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga Surat ini ditandatangani;
- (f) syarikat tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan MPC terlebih dahulu;
- (g) syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan/membekalkan barang dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**;
- (h) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen *sebut harga/tender;
- (i) syarikat tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;

- (j) syarikat tuan digulungkan;
- (k) syarikat tuan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- (l) syarikat gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;
- (m) syarikat tuan tidak mendapat kelulusan daripada MPC terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa; atau
- (n) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

5. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 4, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat tuan termasuk kerugian masa hadapan.

6. Bersama-sama Surat ini disertakan Surat Akuan Pembida Berjaya dalam tiga (3) salinan untuk ditandatangani oleh pihak tuan. Sila kembalikan dua (2) salinan yang telah ditandatangani oleh pihak tuan dan disaksikan dengan sempurna, di ruang yang berkenaan, ke pejabat ini dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' ABDUL LATIF HAJI ABU SEMAN)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)